

104 pegawai, kakitangan bersara dihargai



Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menyerahkan Sijil Bersara dan penghargaan kepada para pesara (kiri dan atas).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 November. - Bagi menghargai perkhidmatan dan jasa baik yang dicurahkan oleh pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama

(KHEU) yang telah bersara, KHEU pagi tadi mengadakan Majlis Penyerahan Sijil Penghargaan Perkhidmatan bagi Pegawai dan Kakitangan KHEU Yang Bersara Tahun 2019 yang

bertempat di Dewan Serambi Suluh, Tarindak D'Seni, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Yang Berhormat menyampaikan Sijil Bersara dan penghargaan kepada 104 pegawai dan kakitangan KHEU yang bersara pada tahun 2019 atas jasa yang mereka curahkan di sepanjang perkhidmatan mereka.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji

Bahrom bin Pengiran Haji Bahar. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, seterusnya ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Pentadbiran, KHEU, Awang Haji Md. Shamsul Riza bin Haji Sulaiman selaku Pengerusi Majlis.

Dalam ucapannya, beliau antara lain menjelaskan bahawa majlis tersebut diadakan bagi memberikan penghargaan kepada setiap pegawai dan kakitangan KHEU yang telah bersara pada tahun 2019, di mana mereka mencurahkan khidmat bakti dan jasa dengan ikhlas sebagai warga KHEU demi memberikan perkhidmatan agama kepada semua lapisan rakyat Negara Brunei Darussalam.

Katanya lagi, KHEU seterusnya mendoakan semoga segala khidmat bakti ikhlas yang telah dicurahkan di sepanjang perkhidmatan pegawai dan kakitangan yang diraikan akan menjadi amal jariah dan mendapat ganjaran pahala yang setimpal daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan Sayyidul Istighfar oleh Imam Tingkat 1, Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Awang Khairul Ariffin bin Haji Yusop.

Penulis, AJK Mushaf UNISSA terima penghargaan



Berita dan Foto :
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

GADONG, Sabtu, 28 November. - Keunikan dan ciri-ciri keistimewaan pada Mushaf Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) ialah tulisan yang digunakan adalah tulisan Nasakh, namun ada beberapa kaedah tersebut diubah suai mengikut kesesuaian ciri-ciri bacaan yang dipersetujui dalam menitikberatkan kemashalatan bacaan orang awam (bukan Arab).

Selain mushaf pertama di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang ditulis sepenuhnya oleh anak tempatan, ia juga mengemalkan sistem penulisan mushaf yang asal iaitu ejaan perkataan menggunakan warna hitam manakala tanda-tanda baca adalah menggunakan warna yang berbeza.

Tujuan daripada pelaksanaan itu adalah untuk mengekalkan

warna hitam bagi Rasm Al-Uthmani sebagaimana yang ditulis oleh para sahabat dan membezakan antara Rasm Al-Uthmani dengan tanda-tanda baca yang ditambah oleh ulama selepas mereka.

Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal dalam alu-aluannya juga berucap bahawa penulisan Mushaf UNISSA berkonsepkan mesra pembaca.

"Oleh itu, mushaf ini telah memberi lebih penekanan terhadap ejaan perkataan yang jelas, mudah dibaca oleh semua lapisan masyarakat. Bagi mencapai tujuan tersebut, mushaf ini mengutamakan penulisan huruf yang jelas iaitu menggunakan kaedah pemisahan huruf supaya huruf tidak berlapis bagi mengelakkan kekeliruan dan tanda baca diletakkan bertepatan

di dalam ruang huruf (sekedudukan)," ujarnya pada Majlis Penghargaan Sempena Penyempurnaan Penulisan Mushaf UNISSA yang berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, hari ini.

Seterusnya, Dr. Haji Norarfan juga menjelaskan bahawa reka bentuk dan motif setiap lembaran mempunyai ciri-ciri seni tempatan yang dihasilkan sepenuhnya oleh anak-anak tempatan.

"InsyaaAllah, jika tiada aral melintang, UNISSA akan berusaha untuk menerbitkan mushaf ini dalam bentuk mushaf yang mudah dimanfaatkan oleh orang ramai," tambahnya.

Beliau seterusnya menjelaskan, bagi memastikan perjalanan projek ini berjalan lancar, sebanyak lima Ahli Jawatankuasa (AJK) dibentuk antaranya ialah Jawatankuasa Induk Penerbitan Mushaf UNISSA, Jawatankuasa Pelaksana Percetakan Mushaf UNISSA dan Jawatankuasa Meneliti dan Menyemak



YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penghargaan sempena Penyempurnaan Penulisan Mushaf UNISSA. Juga hadir, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Ketua Hakim Syar'ie (kiri). Manakala gambar atas, Yang Berhormat Menteri Pendidikan menyampaikan sijil penghargaan kepada penulis Mushaf UNISSA, Muhammad Riziman bin Haji Usin.

Penulisan Mushaf UNISSA dengan Tulisan Tangan.

Tambahnya, tidak diragui lagi Jawatankuasa Meneliti dan Menyemak Penulisan Mushaf UNISSA dengan Tulisan Tangan ini telah memikul satu tanggungjawab yang berat dan ia dibentuk bagi tujuan untuk memastikan bahawa penulisan mushaf ini sentiasa mematuhi piawaian penulisan mushaf.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman dan seterusnya menyampaikan sijil penghargaan kepada penulis dan AJK yang terlibat dalam penyempurnaan mushaf berkenaan.



REKTOR UNISSA semasa menyampaikan ucapan alu-aluan pada majlis tersebut.

Tingkat pengetahuan tentang bahaya dadah



YANG Dipertua Persatuan BASMIDA, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali ketika berucap.

BERAKAS, Ahad, 29 November. - Persatuan Basmi Dadah (BASMIDA) terus komited berganding bahu membantu pihak kerajaan dalam membanteras isu-isu berkaitan dengan dadah dengan menjalankan pelbagai kegiatan pendidikan pencegahan



CERAMAH Motivasi Khas disampaikan oleh Pengiran Kamarul Zaman bin Pengiran Haji Chuchu.

penyalahgunaan dadah khususnya di semua peringkat masyarakat. Salah satu kegiatan yang dilakukan oleh persatuan antidadah tersebut ialah dengan mengadakan Program Pendidikan Pencegahan Penyalahgunaan Dadah yang berlangsung di Dewan

Serbaguna, Masjid Lambak Berakas, di sini.

Yang Dipertua BASMIDA, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali ketika berucap menjelaskan bahawa Program Pendidikan Pencegahan Penyalahgunaan Dadah memberikan maklumat yang betul dan tepat serta satu cara yang amat berkesan dan kos efektif bagi mengukuhkan pengetahuan tentang bahaya dadah bagi segenap lapisan masyarakat.

Dalam pada itu, katanya lagi, pendidikan sedemikian juga perlu mengetahui maksud pengedar dan penjual dadah terkawal adalah musuh agama yang mengambil kesempatan ke atas kelemahan iman untuk meraih keuntungan tanpa memikirkan kesan dan kehancuran kehidupan masa depan serta kepada keluarga.

Antara yang diselitkan dalam

program ini ialah Ceramah Motivasi Khas yang bertajuk



ANTARA yang hadir pada Program Pendidikan Pencegahan Penyalahgunaan Dadah berkenaan.

'Pembentukan Akhlak di usia Remaja', disampaikan oleh Pengiran Kamarul Zaman bin Pengiran Haji Chuchu.

Program anjuran BASMIDA dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Masjid Lambak Berakas ini dihadiri oleh golongan-golongan belia.

Selain itu, program juga adalah untuk mewujudkan kesedaran terhadap peranan setiap individu, ibu bapa, penjaga, para belia mengenai ancaman penyalahgunaan dadah dan risiko-risikonya, di samping untuk memberikan pengetahuan tentang penyalahgunaan dadah.

KMB hulur sumbangan peralatan sekolah



KETUA Kumpulan Meraih Barkah (KMB), Dayang Hajah Florinda binti Haji Mejenis menyampaikan bantuan peralatan sekolah kepada para penerima pada Majlis Penyerahan Sumbangan Peralatan Sekolah tersebut.

RIMBA, Ahad, 29 November. - Dalam sama-sama memberikan keprihatinan khususnya akan kesejahteraan anak-anak yatim dan golongan kurang berkemampuan di negara ini, Kumpulan Meraih Barkah (KMB) hari ini mengadakan Majlis Penyerahan Sumbangan Peralatan Sekolah yang berlangsung di kawasan Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba, di sini.

Penyerahan bantuan peralatan sekolah tersebut adalah bagi membantu anak-anak yatim dan golongan kurang berkemampuan berkenaan meneruskan pengajian mereka di samping meraih keberkatan daripada aktiviti amal jariah yang dilakukan.

Sumbangan berkenaan disampaikan oleh Ketua KMB, Dayang Hajah Florinda binti Haji Mejenis.

Acara sebelumnya didahului dengan bacaan selawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang dikepalai oleh Kumpulan Permai dan bertujuan bagi menggalakkan

semua yang hadir untuk sentiasa berselawat.

Majlis berkenaan turut diserikan dengan bacaan Muratal Al-Quran oleh Muhd. Farid Iqbal bin Mohammad.

Sesi tazkirah ringkas bertajuk 'Meraih Syafaat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' disampaikan oleh Dr. Haji

Berita dan Foto :
Mohamad Azmi Awang Damit

Harapandi bin Dahri dari Kolej Perguruan Agama Seri Begawan (KUPU SB), antara lain menyeru semua yang hadir untuk memperbanyakkan bacaan selawat kepada junjungan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan seterusnya mengikut serta mempraktikkan sunah Rasulullah.

Sumbangan daripada hamba-hamba Allah yang dikendalikan oleh KMB itu telah diadakan sejak tahun 2014 dan selain menyumbang peralatan persekolahan, KMB juga banyak menyumbangkan wakaf Al-Quran, sejadah, kipas angin, pendingin hawa serta membaik pulih bilik ibadat dan tempat berwuduk.

Usaha kebajikan itu adalah sebagai tanda rasa syukur atas nikmat dan rahmat yang diperoleh dan sebagai galakan untuk melakukan kerja-kerja amal jariah.



GEMA selawat daripada Kumpulan Permai Warga Indonesia menyerikan lagi suasana majlis.

Penulis, AJK Mushaf UNISSA terima penghargaan

Dari muka 6

Juga hadir, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Ketua Hakim Syar'ie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Projek Penulisan Mushaf UNISSA tidak diragui lagi adalah merupakan satu projek yang agung dan suci kerana Al-Quran itu sendiri merupakan sumber ilmu, lambang ketinggian ilmu dan sumber segala-galanya yang menjadi suluh hidup di dunia dan di akhirat, di samping itu ia juga akan menjadi ristaan sepanjang zaman semasa pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam usaha memartabatkan syiar Islam di NBD serta sebagai lambang rintisan usaha mewujudkan mushaf Al-Quran tulisan tangan yang pertama dihasilkan oleh (Khattat) penulis khat tempatan.

Mushaf ini pada permulaannya ditulis oleh Pensyarah UNISSA, Allahyarham Wan Habib bin Wan Ibrahim namun setelah empat tahun berlalunya projek penulisan mushaf, Allah Subhanahu Wata'ala lebih menyayangi Allahyarham apabila beliau telah kembali ke rahmatullah pada 8 Februari 2015. Dan Allahyarham merupakan seorang penulis dan pereka bentuk utama Mushaf UNISSA yang sangat dedikasi dan lutan dalam pekerjaannya. Berkat kegigihan, Allahyarham telah menyempurnakan penulisan sebanyak lima juzuk dan betul-betul berhenti pada ayat 57 dari Surah Al-'Ankabut.

Kemudian penulisan mushaf diteruskan sehingga sempurna oleh Penolong Pensyarah UNISSA, Muhammad Riziman bin Haji Usin, yang juga merupakan anak murid kepada Allahyarham Wan Habib. Beliau mula meneruskan penulisan pada 17 Jun 2015 Masihi.

Sebagaimana penulisan mushaf, reka bentuk Mushaf UNISSA juga telah dihasilkan oleh anak-anak tempatan yang terlatih dan berkemahiran tinggi dan terdiri daripada Pengiran Haji Ibrahim bin Pengiran Haji Bakar, Allahyarham Wan Habib bin Wan Ibrahim sendiri selaku pereka bentuk utama Mushaf UNISSA dan Awang Hamdy bin Emran.

Turut memberikan sumbangan dalam mereka bentuk lembaran mushaf ialah Pegawai Penerbit Mushaf UNISSA, Dayanku Nurfaiezah binti Pengiran Haji Kamaluddin. Apa yang menarik berkaitan reka bentuk Mushaf UNISSA ini ialah pada reka bentuk jidarinya pada setiap lima juzuk, di mana terdapat enam reka bentuk jidar yang berbeza-beza dengan struktur dan motif berunsurkan seni tempatan.

Setiap reka bentuk jidar ini diadun dengan penuh teliti dengan menggabungkan reka bentuk dan struktur binaan masjid-masjid utama dengan pelbagai jenis tumbuhan yang terkenal di NBD. Gabungan tersebut telah berjaya menghasilkan reka bentuk jidar yang unik dengan gabungan seni arkitek Islam dengan alam semula jadi.